

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN  
[BATU]

TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 56**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah dengan adanya Kamera AES secara statistiknya telah membuktikan bahawa peratusan kemalangan telah berjaya diturunkan. Jika ya, berapa peratuskah kadar peratusan yang telah turun disebabkan oleh AES. Apakah tiada mekanisme lain selain penambahan Kamera AES untuk mengurangkan kadar peratusan kemalangan. Adakah Kerajaan juga berhasrat untuk membatalkan pelaksanaan AES kelak? Jika ada, bilakah masa yang sesuai untuk Kerajaan membatalkannya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian keberkesanan sistem AwAS telah dijalankan bagi tempoh lapan (8) bulan pertama pelaksanaan AwAS mulai 23 September 2012, hasil kajian menunjukkan pengurangan kes kemalangan maut iaitu dua belas (12) kemalangan maut direkodkan di empat belas (14) lokasi kamera AES berbanding sembilan belas (19) kes bagi tempoh yang sama sebelum pelaksanaan AwAS. Ini bermakna AwAS telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh (7) kes kemalangan maut atau 36.84 % berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
2. Selain itu, analisis pada tahun 2017 yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) semasa Operasi Tahun Baru Cina 2017 (OPS TBC 2017) di tujuh (7) lokasi baharu AwAS menunjukkan tiada kematian yang direkodkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding dua (2) kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada dua puluh (20) kes pada tahun 2016 kepada dua (2) kes pada tahun 2017.
3. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%.

4. Melalui statistik-statistik tersebut, adalah dapat dibuktikan keberkesanan pelaksanaan AwAS dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui penurunan angka kemalangan maut dan kes kematian seperti yang telah dinyatakan.
5. Sememangnya terdapat pelbagai kaedah untuk menangani isu kemalangan jalan raya selain penguatkuasaan AwAS seperti intervensi kejuruteraan, pendidikan dan persekitaran jalan raya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem AwAS yang berterusan sepanjang masa dapat meningkatkan Perception of Being Caught dan kadar pematuhan peraturan lalu lintas di kalangan pengguna jalan raya yang sekali gus menyumbang kepada penurunan kadar kemalangan jalan raya. Penguatkuasaan sistem ini juga adalah mengambil kira keberkesanan dan benchmarking terhadap pelaksanaan kaedah yang sama di negara-negara luar.
6. Mengambil kira keberkesanan pelaksanaan sistem AwAS dan komitmen Kerajaan untuk menangani isu keselamatan jalan raya sepertimana yang digariskan di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020, maka Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk membatalkan pelaksanaan sistem AwAS.

Sekian, terima kasih.